



PERTANIAN DALAM ISLAM

Mohd Borhanuddin Zakaria & Juairiah Binti Hasan

ABSTRAK

Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 merupakan satu transformasi Kerajaan Malaysia bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti makanan negara. Kajian ini bertujuan mengkaji berkaitan pertanian. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan, kitab-kitab dan data-data yang dikumpulkan dianalisis melalui pendekatan deskriptif dengan gabungan pendekatan kualitatif iaitu menganalisis teks termasuk menganalisis dokumen-dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa konsep *al-falah* harus ditekankan, memakmurkan tanah pertanian serta menekankan produk pemakanan yang *halal* dan bersih. Implikasi kajian ini mencadangkan pembangunan pertanian perlu diutamakan ke atas agensi yang terlibat khusus seperti Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani harus diberi perhatian. Dasar Agro Makanan Negara diharapkan agar memainkan peranannya dalam menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian dan pembangunan petani selaras dengan pembangunan Islam secara syumul.

Kata Kunci: Pertanian Islam

1.0 Pendahuluan

Menurut laporan kewangan 1984-1985 kadar pengeluaran sektor pertanian terutama makanan asasi beras mengalami kekurangan sebanyak 3.1% kepada 1,134,000 berbanding dengan 1,170,590 tan metrit pada tahun 1983. Keluaran sektor pertanian pada tahun 1986 dijangka bertambah sebanyak 54% berbanding 3.5% pada tahun 1985 dan mengalami sedikit penurunan 3.6% pada 1988, walaubagaimanapun keluaran sektor pertanian di anggarakan meningkat dengan sederhana sebanyak 31% pada tahun 1989 dan pada tahun 1990 (Laporan Kewangan Malaysia Kementerian Kewangan Malaysia 1985-1990). Kementerian Pertanian melalui budget belanjawan 1987 menyasarkan anggaran belanjawan sebanyak RM 45,441,290 beras. (Belanjawan 1987 Kementerian Pertanian, Unit Belanjawan Bahagian Kewangan Kementerian Pertanian 1987). Malah tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970, Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990,

Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005 hingga Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 (Rancangan Malaysia 1966-2010 Percetakan Negara Malaysia 1986). Perbelanjaan pembangunan dalam tempoh lima tahun bertujuan memantapkan sektor pertanian selaras dengan peranan kementerian untuk menyediakan kemudahan dalam pembangunan pertanian. Namun hakikatnya pertanian Islam ini sudah lama terbukti sumbangan yang besar kepada manusia dan sumbernya, dalam undang-undang Melayu lama seperti Hukum Kanun Melayu, Kanun Pahang, Kanun Kedah, Kanun Perak dan Undang- Undang 99 Perak.

2.0 Pertanian Menurut Perspektif Islam

Terdapat 551 ayat bersamaan 8.8% dari keseluruhan ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan bidang pertanian. Allah SWT sebagai Tuhan Pencipta dan Pentadbir secara tidak langsung memerintahkan penghuni bumi (manusia) agar memakmurkan atau memajukan bumi ini, antara lain ialah dengan kegiatan pertanian. Jika diperhatikan dalam Islam, terdapat banyak ayat mengenai hasil tanaman dan buah buahan yang pelbagai. Ini secara tidak langsung menunjukkan kepentingan bidang pertanian pada perspektif Islam sebagai salah satu sumber rezeki dan sara hidup dalam kehidupan. Bagi umat Islam, bidang pertanian adalah antara cara mudah bagi mendapat pahala dan ganjaran daripada Allah SWT selain menerima manfaat atau pendapatan halal daripada hasil jualan keluaran pertanian. Manakala Dr. ^CIsa ^CAbduh (2009) dalam bukunya "*al-Amwal fi al-Islam*" menulis:

Maksudnya: "Pertanian merupakan kerjaya yang diperintahkan dalam Islam mampu mengeluarkan produk makanan dari segi rohani, fizikal seterusnya zakat dan sedekah. Pertanian juga merupakan kerjaya yang memenuhi keperluan ekonomi dan masyarakat mampu mengeluarkan bahan keperluan sayur- sayuran dan berupa bahan-bahan makanan, pakaian. Manakala dari segi kemasyarakatan ianya berguna kepada seluruh manusia dan binatang".

Hasil usaha yang terbaik adalah hasil usaha tangan sendiri. Justeru, Islam mengecam bermalas-malasan kerana sudah tentu akan terbeban kepada ummah dan khalayak masyarakat. Lebih parah lagi membawa kepada berlakunya jenayah dengan cara

mencuri dan sebagainya. Sewajarnya sebagai seorang Muslim dan Mukmin hendaklah bersifat profesional dengan sikap rajin, proaktif, produktif, aktif dan dinamik (Ibn Rajab t.th; Yahya ibn Adam t.th; Abu Yusuf 1382H). Sudah sampai masanya digerakkannya dalam bentuk skala besar yang membawa kepada perubahan sama ada kepada petani itu sendiri bahkan keluarganya sehingga mereka benar-benar menjadi petani yang berjaya dan sesuaiilah mereka mendapat *al-Falah* iaitu kemenangan dan kejayaan akidah serta mendekatkan diri seseorang kepada Allah SWT (Kementerian Pertanian Malaysia 1993). Hal ini kerana tanda kebesaran Allah SWT dapat dilihat dengan jelas dalam proses kejadian tumbuh-tumbuhan dan tanaman. Pertanian akan lebih membuatkan seseorang itu memahami hakikat sebenar tawakkal kepada Allah SWT dan beriman kepada kekuasaanNya. Walaupun bidang pertanian merupakan satu pekerjaan yang perlu bekerja keras dan menggunakan segala kepakaran untuk menjayakan usaha pertaniannya, namun yang memberikan hasil adalah Allah SWT (Ibn Rajab t.th; Yahya ibn Adam t.th; Abu Yusuf 1382).

Walau bagaimanapun, sekiranya hasil yang diharapkan tidak menjadi, maka hendaklah pasrah kepada ketentuan Allah SWT. Ia hendaklah diterima sebagai sebahagian daripada qada' dan qadar Allah SWT. Namun begitu, ia tidak bermakna para petani boleh berserah tanpa melakukan usaha yang terbaik dengan bantuan teknologi terkini. Sesuai dengan kedudukannya sebagai sektor yang sangat digalakkan, kita dapati ada beberapa insentif diperuntukkan dalam Islam bagi sektor ini sama ada kebendaan atau kerohanian. Antaranya firman Allah SWT (al- Qur'an, Hud 11: 6):

Maksudnya: "Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka Nabi Soleh ia berkata : "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Dialah Yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadanya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya".

Ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa manusia ini bertanggungjawab untuk memakmurkan bumi ini. Tentulah istilah makmur itu tidak terhad hanya kepada menggunakan bumi untuk menghasilkan sesuatu yang berfaedah bagi manusia dalam bentuk pertanian, bahkan dalam semua bentuk pemakmuran. Ayat tersebut menjelaskan bahawa pertanian, iaitu suatu proses yang menggunakan bumi dan menghasilkan faedah kepada manusia adalah perkara yang dikira sebagai tanggungjawab yang mulia di sisi Allah SWT (Syed Othman al- Habshi 1998).

3.0 Dalil al-Qur'an

Di dalam Islam, pertanian merupakan salah satu daripada pekerjaan yang mulia dan amat digalakkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. Banyak ayat al-Qur'an yang menyebut tentang hasil tanaman dan buah-buahan yang pelbagai. Dari segi akidah pula, bidang pertanian dapat mendekat diri seseorang hamba kepada Allah SWT. Ini kerana tanda kebesaran Allah SWT dapat dilihat dengan jelas dalam proses kejadian tumbuh-tumbuhan dan tanaman (al- Qurtubi t.th; Ibn Kathir 1966; al-Mashdah t.th; Za^Ctari 1996). Firman Allah SWT (al-Qur'an, al-An'am 6: 99):

Maksudnya : “Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan kami) bagi orang-orang yang beriman”.

4.0 Dalil al-Sunnah

Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

Maksudnya: *“Seandainya berlaku kiamat, sedang di tangan seseorang kamu terdapat suatu benih tamar, maka dia berdaya untuk bangun sehingga dapat menanamnya (lagi), maka hendaklah dia menanamnya, maka dia (masih) memperoleh ganjarannya dengan kesempatan itu”*. (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab Fadl al-Zara^ḥi Iza Ukila Minhu, No. Hadith 479).

Menurut riwayat lain:

Maksudnya: *“Seandainya berlaku kiamat, sedang di tangan seseorang kamu ada suatu benih tamar, maka tanamlah”*. (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab Ihya' al-Mawat wa al-Syurb, No. Hadith 2203).

Seterusnya Rasulullah SAW bersabda lebih lanjut:

Maksudnya: *“Siapa menghidupkan sekeping tanah yang terbiar kering tiada pemiliknya, maka tanah itu menjadi kepunyaannya dan tidaklah orang yang menzalimi terhadapnya dengan mengaku haknya tanpa usaha”*. (al-Shafi^ḥi, *Musnad Imam al-Shafi^ḥi*, Bab Ihya' al-Mawat, No. Hadith 1497).

5.0 Hukum dan Kepentingan Pertanian Menurut Islam

Pertanian boleh menjadi fardu ain dan satu kewajipan baginya jika itulah sumber pendapatannya untuk diri dan keluarga bagi keperluan menyara kehidupan. Begitu juga, jika pemerintah mengeluarkan arahan kepada seseorang yang ada kepakaran dalam satu-satu bidang pertanian yang diperlukan negara atau masyarakat dan tidak ada orang lain yang mampu melakukannya, maka dia juga wajib menjalankan usaha itu. Namun, apabila ada ramai petani yang mampu melakukan usaha sedemikian, maka menjadi fardu kifayah kepada sesiapa melakukannya demi kepentingan awam untuk mengeluarkan bekalan makanan yang cukup bagi semua. Dalam Islam, fardu kifayah

lebih mulia dan penting bagi seseorang untuk melakukannya.

Hal ini kerana manfaatnya lebih besar daripada manfaat peribadi. Bidang pertanian menjadi fardu kifayah kepada seseorang kerana manfaatnya lebih besar daripada manfaat peribadi. Kebanyakan fuqaha Islam berpendapat bahawa bidang pertanian adalah lebih afdal atau utama di sisi agama Islam berbanding perniagaan dan perusahaan atau perkilangan. Keadaan ini kerana manfaat pertanian lebih meluas dan kepentingannya tidak dapat dinafikan sebagai bidang yang terpenting.

Hadis yang dinyatakan sebeum ini ada menggambarkan kepada kita terlalu pentingnya bidang pertanian sehinggakan hampir kiamat pun digalakkan lagi bercucuk tanam oleh Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bidang ini tidak boleh diabaikan sama sekali kerana ia adalah penyumbang utama kepada kehidupan manusia kerana pertanian merupakan satu ibadat. Membangunkan sektor pertanian adalah satu keperluan dalam sesebuah negara. Ini kerana hasil daripada pertanian memberi banyak manfaat kepada manusia. Perkara ini dijelaskan oleh firman Allah SWT di dalam kitab suci al-Qur'an (al-Qur'an, al-Baqarah 2: 261):

Maksudnya: "Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah SWT) adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada tiap-tiap butir seratus biji. Allah melipat gandakan bagi sesiapa yang dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas kurniaannya lagi Maha Mengetahui".

Dalam mengulas ayat ini al-Qurtubi (1995) berpendapat ia menjadi dalil bahawa bidang pertanian adalah fardu kifayah kepada umat Islam dan merupakan pekerjaan penting yang boleh mendatangkan sumber pendapatan kepada manusia. Malah para petani akan mendapat ganjaran pahala apabila hasil pertanian mereka dinikmati oleh manusia dan haiwan (al-Asqalani 1997). Terdapat beberapa hadis Nabi Muhammad SAW mengenai kelebihan dan keutamaan berkebun dan bertani. Antaranya:

Jabir bin Abdullah r.a. menceritakan bahawa pada suatu hari Rasulullah SAW telah masuk ke kebun kurma Ummu Ma^Cbad, lalu baginda bertanya:

Maksudnya: *“Siapakah yang menanam kurma ini? Adakah dia orang Islam (beriman) atau orang kafir?”*. Ummu Ma’bad menjawab, *“Dia seorang Islam”*. Rasulullah SAW lantas bersabda: *“Tiadalah seseorang Islam menanam suatu pokok (seperti kurma) dan tiada pula menanam suatu tanaman lain dimakan oleh seseorang manusia, diragut oleh binatang dan oleh sesuatu yang lain, melainkan ia adalah menjadi sedekah (berpahala) kepadanya”*. (Muslim, *Sahih Muslim*, Bab Fadhl al-Ghars wa al-Zar^C, No. Hadith 1553).

Anas bin Malik r.a. pernah memberitakan bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: *“Tiadalah seseorang Islam yang menanam suatu pokok atau menanam suatu pokok tanaman (kecil), (sesudah besar dan berbuah) lalu dimakan oleh burung, atau oleh seseorang manusia atau binatang melainkan akan menjadi sedekah (berpahala) kepadanya”*. (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab Fadl al-Ghars wa al-Zara^Ci, No. Hadith 2320).

Daripada Jabir bin Abdullah r.a. (dalam riwayat lain) Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: *“Tiadalah seorang Islam yang menanam suatu pokok tanaman melainkan dia akan memperoleh sedekah (pahala) daripada apa-apa yang dimakan orang daripadanya. Tiadalah dia dicuri melainkan dia menjadi sedekah kepadanya (berpahala secara automatik); tiadalah dia dimakan hurung melainkan dia menjadi sedekah kepadanya; dan tiadalah dia menjadi susut (diambil, diguna atau dikurangi) oleh seseorang melainkan dia akan menjadi sedekah kepadanya”*. (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab Fadl al-Ghars wa al-Zara^Ci, No. Hadith 1552).

Menurut al-Imam al-Nawawi r.a bahawa hadis-hadis ini menjelaskan kelebihan

pertanian, di mana pahalanya berterusan selagi tanaman itu masih berfungsi, sehingga menanam rumput sekalipun, apabila diniatkan semasa mula menanamnya untuk mencari keredhaan Allah SWT; sekalipun tuannya telah bertukar, juga apa-apa yang diperkembangkan (benih dan hasil kegunaannya) daripadanya sehinggalah hari kiamat (termasuk orang yang turut terlibat; pekerja, pengedar dan penjualnya yang berniat demikian). Ia adalah khusus kepada orang yang beriman, di mana setiap orang akan diberi pahala kepada harta bendanya yang dicuri, dimakan oleh binatang atau burung dan sebagainya. Oleh itu, pertanian adalah satu sumbangan utama kepada kehidupan manusia. Ia merupakan salah satu tuntutan fardu kifayah yang mesti dilaksanakan dengan penuh yakin. Dengan melaksanakan tuntutan fardhu kifayah, bukan sahaja terlaksana tuntutan agama tetapi juga memberi sumbangan yang besar kepada peningkatan tahap ekonomi negara.

(a) Produktiviti makanan

Kegiatan sektor pertanian telah diceburi semenjak zaman nabi Adam a.s, berdasarkan kisah anak-anak Nabi Adam iaitu Qabil dan Habil. Menurut al-Qurtubi (1995) Habil adalah seorang penternak kambing manakala Qabil pula seorang petani. Allah SWT telah memerintahkan kedua-duanya memilih hasil tanaman dan ternakan mereka untuk dipersembahkan sebagai korban kepada Allah SWT. Habil telah mempersembahkan seekor kibas yang paling elok antara binatang peliharaannya manakala Qabil pula telah memberi tanamannya yang kurang elok yang menyebabkan persembahannya tidak diterima Allah SWT.

Nabi Musa a.s juga menjadi penternak kambing. Baginda a.s telah diminta menternak kambing Nabi Syu^caib a.s. sebagai bayaran mas kahwinnya dengan anak nabi Syu^caib a.s. Sebelum kedatangan nabi Musa a.s. dua orang anak perempuan Nabi Syu^caib a.s. yang bertanggungjawab menjaga ternakannya kerana beliau tua dan uzur. Nabi Musa a.s. telah bekerja sebagai penternak kambing bapa mertuanya selama sepuluh tahun sebagai perjanjian yang mereka telah persetujui (al-Qurtubi t.th.; Ibn Kathir 1966; al-Alusi t.th).

Kemajuan pertanian kerajaan Saba' terkenal dalam lipatan sejarah sebagai

sebuah negara yang mempunyai pertanian yang maju dan subur. Perkara ini dinyatakan dalam firman Allah SWT (al-Qur'an, Saba' 34: 15):

Maksudnya: "Demi sesungguhnya adalah bagi penduduk Saba' suatu tanda yang membuktikan kemurahan Allah SWT yang terdapat di tempat tinggal mereka, yaitu dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri kariah mereka. Lalu dikatakan kepada mereka. "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadanya, negeri kamu ini adalah negeri yang baik dan aman dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun".

Menurut Ibn Kathir (1966) dalam ayat ini Allah SWT menceritakan tentang kaum Saba' yang tinggal di Yaman. Kerajaan Saba' adalah sebuah kerajaan yang agung dan dikurniakan dengan tanah yang subur, serta ladang dan tanam-tanaman yang menghihau. Penduduknya hidup dalam suasana aman dan damai. Allah SWT telah memerintahkan penduduk Saba' untuk menikmati rezeki yang dikurniakan kepada mereka dan bersyukur di atas nikmat yang diberikan dengan melakukan ibadat kepada Allah SWT.

Walau bagaimanapun, kaum Saba' telah mengingkari perintah Allah SWT dan sebagai balasannya Allah SWT telah menarik balik nikmat pertanian yang subur yang dikurniakan kepada mereka iaitu menurunkan bencana banjir besar yang mengakibatkan kebinasaan kepada ladang-ladang dan kebun-kebun mereka yang indah dan berbuah lebat (al-Qurtubi t.th.; Ibn Kathir 1966; al-Alusi t.th). Allah SWT berfirman (al-Qur'an, Saba' 34:16):

Maksudnya: "Maka mereka berpaling ingkar, lalu kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan kami gantikan dua kumpulan kebun mereka yang subur itu dengan dua kumpulan yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara".

Para Nabi dan Rasul a.s semuanya terlibat dengan bidang pertanian. Ini kerana Nabi Adam a.s. sendiri ialah seorang petani, yang telah menanam gandum dan mengairi tanaman itu dan menuainya, diirik, dikisar dan diuli serta dimasaknya menjadi roti untuk dimakannya (Muhamad ^CAbdul Mun^Cim al-Jammal, 1992). Bahkan Nabi kita Muhammad SAW ialah seorang pengembala kambing. Semua Nabi dan Rasul itu mencari rezeki daripada hasil usaha mereka sendiri. Nabi Muhammad SAW juga telah menggalakkan umatnya menceburkan diri dalam lapangan pertanian. Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: *“Sesiapa sahaja yang mempunyai tanah maka hendaklah digunakan tanahnya itu untuk bertani”*. (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab Man Kana Ashabul al-Nabiyy, No. Hadith 1092).

Malah, Rasulullah SAW telah memberikan perangsang kepada manusia supaya menceburi bidang pertanian dalam sabdanya yang bermaksud (al-Nawawi 1995; al-Munziri 1996):

Maksudnya: *“Tiada seorang Muslim pun yang menanam seponon pokok ataupun menanam benih lalu dimakan oleh burung atau manusia (hasil tanamannya itu) ataupun oleh binatang, melainkan apa yang dimakan itu menjadi sedekah untuknya”*. (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab Ma Yahzaru Min ^CAwaqib al-Isytighali bi Alatin, No. Hadith 1982).

Hadis SAW ini jelas menunjukkan betapa beratnya perhatian yang telah diberikan oleh Nabi Muhammad SAW terhadap sektor pertanian. Makanan adalah keperluan asas manusia dan setiap orang perlu mendapat makanan yang mencukupi untuk meneruskan kehidupannya. Ketiadaan bekalan makanan ataupun ketidakmampuan untuk memperolehi makanan yang diperlukan untuk hidup, boleh membawa kepada pelbagai masalah seperti penyakit, kematian dan sebagainya. Sebagai contoh penghasilan produk makanan yang berasaskan bidang pertanian adalah penghasilan produk berasaskan gula. Allah SWT berfirman (al-Qur’an, al-Nahl 16: 67):

Maksudnya: “Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah SWT) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akal nya”.

6.0 Kesimpulan

Falsafah pertanian berteraskan kepada *tauhiyyah*, *rububiyah*, *tazkiyyah*, *khalifah*, *taqaddumiyyah*, *tatawuriyyah* semua adalah asas dalam pertanian Islam. Pertanian yang berteraskan *akhlaqiyyah* dan *insaniyyah* dan menuruti pertanian seimbang, keutamaan dan kepentingan *darurat*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah* di ketengahkan dalam pembangunan Islam.

Oleh itu, secara rumusannya pertanian Islam adalah pertanian yang tidak ada kemudaran, mencegah segala pembaziran, mengutamakan yang penting dalam agama, mengelak segala penyelewengan dan kemusnahan alam sekitar dan pelestarian alam sekitar. Hakikatnya ialah pertanian umat Islam hari ini telah dilaksanakan dengan penuh dedikasi serta asuhan yang berterusan dan pelaksanaan hukum-hukum Islam apabila diwajibkan. Maka atas dasar inilah, berharap Dasar Agro Makanan ketika digubal telah berjaya memainkan peranannya dan menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian dan pembangunan petani tetapi mestilah seimbang dengan pembangunan akhlak.

RUJUKAN

- Abu Yusuf, Ya^Ckub Ibn Ismail. 1382H. *Kitab al-Kharaj*. Cet. 2. Kaherah: al-Matba^Cah al-Salafiyah.
- al-Bukhari, Abu ^CAbd Allah Muhammad bin Ismail. t.th. *Sahih al-Bukhari*. Jil. 6. t.tp: t.pt. Muhammad ^CAbdul Mun^Cim Jammal. 1992. *Ensiklopedia Ekonomi Islam*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Othman al-Habshi. 1986. *Pembangunan Insan dalam Konteks Dasar Pertanian Negara*. Selangor: Institut Latihan Pengembangan Pertanian.